

Graduan B40 azam ubah nasib keluarga


UB 30.06.2022 P.08

KOTA KINABALU: Graduan B40 berazam mahu mengubah nasib keluarga dengan kelulusan yang diperolehi daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini.

Mohd Zulian Zulkifli, 24, antara graduan Ijazah Sarjana Muda dalam Program Pengurusan Kewangan dan Perbankan yang dirai pada Majlis Konvokesyen UMS ke-23, baru-baru ini.

“Saya menzahirkan rasa terima kasih dan syukur kepada UMS kerana memberi peluang kepada mahasiswa B40 melanjutkan pengajian di sini.

“Pada awalnya, saya tidak menduga dapat melanjutkan pengajian ke menara gading kerana latar belakang keluarga yang kurang berkemam-



SYUKUR: Zullan syukur dapat menggenggam segulung ijazah.

puan,” katanya.

Menurutnya, kehidupan mereka memang sangat susah kerana pendapatan isi rumah keluarga hanya sekitar

RM1,000 sahaja.

“Bapa saya seorang nelayan dan buruh kasar, manakala ibu hanya menjalankan aktiviti bercucuk tanam di

sekitar rumah.

“Saya bertekad dengan pendidikan yang diperolehi ini akan digunakan untuk mengeluarkan keluarga dari kepompong kemiskinan,” katanya.

Zulian yang berasal dari Kinabatangan ini berkata tanpa peluang yang diberikan UMS, sudah pasti untuk menggenggam segulung ijazah hanya sekadar mimpi.

“Saya berharap, mahasiswa B40 yang masih belajar supaya teruskan berjuang dan jangan putus asa kerana UMS sentiasa memberikan bantuan.

“Setiap orang pasti akan merasakan kepayaan, namun ia pasti akan membawa kebahagiaan suatu hari nanti,” katanya.